


JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Aras 6 & 7, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan UMS, Teluk Likas
Beg Berkunci 2057, 88999 Kota Kinabalu
SABAH, MALAYSIA
Tel.: 088-368900
Faks.: 088-215116
Laman web: jpkn.sabah.gov.my



Ruj. Kami : JPKN 100-4 JLD.2 (77)

Tarikh : 03 Februari 2023

SEMUA KETUA PENOLONG PENGARAH/KETUA CAWANGAN/KETUA PASUKAN INOVASI DIGITAL/ KETUA KSIT

Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING DALAMAN JPKN BIL.05/2023 TANGGUNGJAWAB PENJAWAT AWAM MELINDUNGI MAKLUMAT RAHSIA DAN TERPERINGKAT KERAJAAN

Dengan hormatnya, surat JPAN:100-4/19/1 (30) bertarikh 22 Januari 2021 adalah dirujuk berhubung perkara di atas.

2. Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) adalah diingatkan untuk mematuhi sepenuhnya arahan Kerajaan dan menjalankan tugas yang diamanahkan berdasarkan kuasa rasmi yang diperuntukkan kepadanya serta mengurus maklumat Kerajaan dengan penuh berhemah dan bijaksana.

3. Bagi menjamin kewibawaan semua pegawai dan kakitangan JPKN dalam perkara ini, Kerajaan telah mengeluarkan beberapa akta, pekeliling dan peraturan yang perlu dipatuhi seperti berikut:

- a) Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88);
- b) Arahan Keselamatan Kerajaan;
- c) Aku Janji Pegawai Awam;
- d) Buku Arahan Keselamatan – Perkara 24 – 60 Pengurusan Dokumen Terperingkat, Peringkat Keselamatan, Tanda Keselamatan dan Penyimpanan Perkara-Perkara Berperingkat;
- e) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 Bahagian V: Kelakuan dan Tatatertib – Membuat Pernyataan Awam; dan
- f) Semua peraturan berkaitan yang berkuatkuasa.


...2/



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 03767



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
CERT. NO. : ISMS 00125



“SABAH MAJU JAYA”

Ruj. Kami : JPKN 100-4 JLD.2 (77)
Tarikh : 03 Februari 2023

4. Semua pegawai dan kakitangan JPKN mestilah menjaga integriti masing-masing terutamanya berkenaan tindakan membocorkan dokumen Kerajaan Terperingkat dan seumpamanya yang dianggap sebagai kesalahan berat. Mana-mana pegawai yang didapati membocorkan maklumat atau dokumen terperingkat Kerajaan adalah disifatkan melanggar Peraturan 208, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (Kelakuan dan Tatatertib). Peraturan-peraturan ini boleh menyebabkan pegawai/kakitangan JPKN tersebut dikenakan tindakan tatatertib.

Sekian dan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PROFESIONALISME TERAS KEUNGGULAN”


(ERNYWATI DEWI BINTI ABAS)
Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

PIA/ea

“SABAH MAJU JAYA”